

For immediate release

## PRESS STATEMENT

### **IDEAS Applauds UK's CPTPP Accession and Encourages More Participation from Trade Partners, Urges Malaysia's Full Commitment to the Deal**

**Kuala Lumpur, 28 JULY 2023** - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) applauds the United Kingdom (UK)'s accession to the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP), recognising it as a significant step towards strengthening trade ties. IDEAS welcomes more trade partners to participate and embrace the CPTPP. On top of that, IDEAS urges the Malaysian government to provide an action plan for the full implementation of this comprehensive trade agreement to realise its benefits in increasing economic activity in the country.

The CPTPP has been named a landmark trade agreement with significant implications for the Asia-Pacific region and beyond. The CPTPP represents a mega free trade agreement with 11 signatories, all of which are Asia-Pacific countries that collectively account for 13 per cent of the global gross domestic product (GDP). By lowering barriers to trade in goods and services among member countries, the CPTPP aims to create a more seamless and integrated trading environment in the region. The CPTPP goes beyond just the removal of tariff barriers and import levies, with common obligations on a range of issues, including environmental policies, labour standards, digital economy, investment, and food regulations, among others.

As a signatory country to the CPTPP, Malaysia has already taken steps towards implementing the agreement and stands to benefit significantly from increased trade flows and investment. As per the Cost-Benefit Analysis report produced in 2022, Malaysia's ratification is projected to see GDP and investment increase by US\$56.5 billion and US\$112.3 billion, respectively, over the period of 2021 to 2030, whilst Malaysia would enjoy a continued trade surplus of US\$53.5 billion in 2030. Importantly, this translates into significant welfare gains for Malaysia, which is projected to increase by US\$15.1 billion in 2030.

Additionally, three years after its departure from the European Union, the United Kingdom has successfully signed onto the CPTPP, and it is now part of a consortium with 11 other countries. The recent addition of the United Kingdom as the latest signatory to the CPTPP is a clear indication of the growing importance of this trade pact on the global stage.

Dr Juita Mohamad, Director of Research at IDEAS, pointed out that "with the UK's accession to the CPTPP, member countries like Malaysia are able to expand their market beyond their borders. The CPTPP will provide our local businesses with opportunities. Furthermore, we consider it a significant achievement that Malaysia was able to effectively negotiate the removal of tariffs on Malaysian palm oil of 12 per cent in its first year of entry with the UK."

Through free trade agreements, competition is enabled and this creates efficient producers, which benefits domestic consumers who can now access relatively cheaper and superior quality goods and services. Domestic producers will also be able to access larger foreign markets, improving their earning potential. IDEAS conducted a study in 2020, assessing the economic effects on Malaysia if other potential partners like Taiwan were to join the CPTPP fleshing out the above-mentioned broad economic concepts. The study found largely positive macroeconomic implications; Malaysian GDP would increase by an additional 0.15 per cent, or over US\$500 million per year, in the medium to long term. Exports and imports are projected to increase further, with overall employment estimated to increase by a further 0.13 per cent, with nearly an additional 20,000 people in work.

IDEAS further elaborated that, with the UK as a member of CPTPP, it is hoped that trade relations can be strengthened over time and best practices from the UK and other member countries can serve as a guide for Malaysia as it completes its implementation process and translates the agreement into clear laws and guidelines in the next few years to come.

--- END ---

**For enquiries, please contact:**

Dr Juita Mohamad  
Director of Research;  
Director, Economics and Business Unit  
IDEAS Malaysia  
[juita@ideas.org.my](mailto:juita@ideas.org.my)

**About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

## **IDEAS Puji Penyertaan UK dalam CPTPP dan Galakkan Lebih Banyak Penyertaan daripada Rakan Perdagangan serta Desak Komitmen Penuh Malaysia terhadap Perjanjian**

**Kuala Lumpur, 28 JULAI 2023** - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) memuji penyertaan United Kingdom (UK) ke dalam Perjanjian Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP), mengiktirafnya sebagai langkah penting ke arah mengukuhkan hubungan perdagangan. IDEAS mengalu-alukan lebih ramai rakan perdagangan untuk mengambil bahagian dan menerima CPTPP. Selain itu, IDEAS menggesa kerajaan Malaysia menyediakan pelan tindakan bagi pelaksanaan penuh perjanjian perdagangan komprehensif ini bagi merealisasikan faedahnya dalam meningkatkan aktiviti ekonomi di negara ini.

CPTPP telah dinamakan sebagai perjanjian perdagangan penting dengan implikasi besar bagi rantau Asia-Pasifik dan rantau luarnya. CPTPP mewakili perjanjian perdagangan bebas mega dengan 11 penandatangan, yang kesemuanya adalah negara Asia Pasifik yang secara kolektif menyumbang sebanyak 13 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) global. Dengan mengurangkan halangan kepada perdagangan barang dan perkhidmatan dalam kalangan negara anggota, CPTPP menyasarkan untuk mewujudkan persekitaran perdagangan yang lebih lancar dan bersepadu di rantau ini. CPTPP melangkaui sekadar penghapusan halangan tarif dan levi import, dengan tanggungjawab bersama dalam pelbagai isu, termasuk dasar alam sekitar, piawaian buruh, ekonomi digital, pelaburan dan peraturan makanan.

Sebagai negara yang menandatangani CPTPP, Malaysia telah pun mengambil langkah ke arah melaksanakan perjanjian itu dan akan mendapat manfaat yang ketara daripada peningkatan aliran perdagangan dan pelaburan. Menurut laporan Analisis Kos-Faedah yang dihasilkan pada tahun 2022, ratifikasi Malaysia diunjurkan akan menyaksikan KDNK dan pelaburan meningkat masing-masing sebanyak AS\$56.5 bilion dan AS\$112.3 bilion, sepanjang tempoh 2021 hingga 2030, manakala Malaysia akan menikmati lebihan dagangan berterusan sebanyak AS\$53.5 bilion. Hal ini akan membawa kepada peningkatan yang ketara kepada Malaysia, dengan unjuran peningkatan sebanyak AS\$15.1 bilion pada 2030.

Selain itu, tiga tahun selepas keluar daripada Kesatuan Eropah, United Kingdom telah berjaya menandatangani CPTPP, dan kini negara tersebut merupakan sebahagian daripada konsortium dengan 11 buah negara lain. Penambahan United Kingdom baru-baru ini sebagai penandatangan terbaru kepada CPTPP adalah petunjuk jelas tentang kepentingan pakatan perdagangan ini yang semakin meningkat di peringkat global.

Dr Juita Mohamad, Pengarah Penyelidikan di IDEAS, menegaskan bahawa "dengan penyertaan UK ke dalam CPTPP, negara anggota seperti Malaysia dapat mengembangkan pasaran di luar sempadan mereka. CPTPP akan memberi peluang kepada perniagaan tempatan kita. Tambahan pula, kami menganggapnya sebagai pencapaian penting bahawa Malaysia dapat merundingkan secara berkesan penghapusan tarif ke atas minyak sawit Malaysia sebanyak 12 peratus pada tahun pertama kemasukannya dengan UK."

Melalui perjanjian perdagangan bebas, persaingan diberdayakan dan hal ini mewujudkan pengeluar yang cekap, yang memberi manfaat kepada pengguna domestik yang kini boleh mengakses barang dan perkhidmatan yang lebih murah dan berkualiti tinggi. Pengeluar domestik juga akan dapat mengakses pasaran asing yang lebih besar, meningkatkan potensi pendapatan mereka. IDEAS telah menjalankan kajian pada tahun 2020, menilai kesan ekonomi ke atas Malaysia jika rakan kongsi berpotensi lain seperti Taiwan menyertai CPTPP dengan menggunakan konsep ekonomi luas yang dinyatakan di atas. Dapatkan kajian itu menunjukkan implikasi makroekonomi yang sebahagian besarnya adalah positif; KDNK Malaysia akan meningkat sebanyak 0.15 peratus, atau lebih AS\$500 juta setahun, dalam jangka sederhana hingga panjang. Eksport dan import diunjurkan terus meningkat, dengan guna tenaga keseluruhan dianggarkan meningkat sebanyak 0.13 peratus lagi, dengan hampir 20,000 orang tambahan pekerja.

IDEAS turut berpendapat bahawa, dengan UK sebagai ahli CPTPP, adalah diharapkan bahawa hubungan perdagangan dapat diperkuuh dari semasa ke semasa dan amalan terbaik dari UK dan negara anggota lain boleh menjadi panduan untuk Malaysia apabila ia melengkapkan proses pelaksanaannya dan menterjemahkan perjanjian itu kepada undang-undang dan garis panduan yang jelas dalam beberapa tahun akan datang.

-- TAMAT --

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Dr Juita Mohamad  
Pengarah Penyelidikan;  
Pengarah, Unit Ekonomi dan Perniagaan  
IDEAS Malaysia  
[juita@ideas.org.my](mailto:juita@ideas.org.my)

**Tentang IDEAS**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).